

Headline	Tarikan kelip-kelip Kuala Selangor		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	12 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	812 cm ²
Journalist	Zubir mohd Yunus	AdValue	RM 27,990
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,971



Tarikan kelip-kelip Kuala Selangor

» Serangga bercahaya meriahkan suasana malam



Antara **pelancong asing** yang tertarik dengan cahaya kelip-kelip.

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMI MOHD DIN / BH]

Oleh Zubir Mohd Yunus
zubir_yunus@bh.com.my

Kuala Selangor popular dengan kelip-kelip.

Aktiviti memerhatikan kelip-kelip ini sudah menjadi sebahagian daripada produk pelancongan di daerah ini.

Ketika zaman kanak-kanak dulu, penulis sering mendengar orang bercakap mengenai kelip-kelip, tapi tidak pernah melihat secara dekat, hanya menonton rancangan dokumentari di TV mengenai spesies kumbang itu saja beberapa kali.

Pengetahuan mengenai kelip-kelip atau kunang-kurang sangat terbatas

sehinggalah baru-baru ini, penulis berkesempatan mengunjungi habitatnya.

Untuk melihat suasana 'kemeriahan' cahaya kelip-kelip ini, penulis perlu menyusuri Sungai Selangor pada waktu senja.

Lokasi popular kelip-kelip membiak dengan banyaknya adalah di Fireflies Park, Kampung Kuantan.

Keunikan kelip-kelip adalah pada ekornya yang mengeluarkan kerlipan cahaya. Berdasarkan rekod, setakat ini terdapat antara 1,900 hingga 2,000 spesies kelip-kelip di seluruh dunia.

Di Kampung Kuantan saja, terdapat tiga spesies yang sering ditemui dikenali sebagai *pteroptyx tener*, *pteroptyx valida* dan *pteroptyx malacca*. Pun begitu, kelip-

kelip daripada spesies *pteroptyx tener* paling banyak ditemui di Kampung Kuantan.

Kelip-kelip jantan mengeluarkan cahaya yang lebih terang berbanding betina bertujuan menarik perhatian kelip-kelip betina. Keunikan *pteroptyx tener* apabila boleh menghasilkan kelipan beritma secara serentak.

Diancam kepupusan

Kelip-kelip di Kampung Kuantan banyak mendiami di atas pohon berembang yang terdapat di pinggir Sungai Selangor. Pokok berembang atau nama saintifiknya *sonneratia caseolaris* adalah pokok bakau yang tumbuh subur di tebing sungai.

Perahu kami dengan empat penumpang 'bersida' di

tepi pokok berembang, untuk melihat lebih dekat kelip-kelip, sekali gus merakamkan gambar serangga itu.

Kelip-kelip memerlukan cuaca lembap dan persekitaran berpayau untuk hidup dan membiak. Pada waktu siang, kelip-kelip tidak aktif dan berehat di bawah daun pokok berembang.

Larva kelip-kelip pula terdapat di sekitar pangkal akar pokok bakau, pokok sagu dan nipah.

Kitaran hidup kunang-kunang hanya bermula dari peringkat telur, larva, pupa dan akhirnya menjadi kelip-kelip dewasa. Jangka masa proses keseluruhan perubahan kitar hidup kelip-kelip adalah antara enam hingga tujuh bulan, manakala jangka hayat kelip-kelip



Maklumat mengenai kelip-kelip untuk tatapan pengunjung.

dewasa dianggar sekitar dua hingga tiga bulan saja.

Inisiatif TNB

Pembangunan dan penebangan hutan payau bakau secara berleluasa menjekaskan populasi kelip-kelip di Kampung

Kuantan dan dalam masa sama, sumber makanannya iaitu siput *cycloptropis carinata* turut berkurangan.

Sedangkan jumlah pelancong yang berkunjung ke Fireflies Park sangat mengalakkan, sekali gus menjana ekonomi penduduk kampung terutama pendayagunaan sambilan.

Bagi mengekalkan populasi kelip-kelip, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil beberapa inisiatif bagi program pemuliharaan kelip-kelip berkenaan. Menerusi anak syarikatnya, TNB Research Sdn Bhd bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), menjalankan usaha pemuliharaan populasi kelip-kelip dan habitatnya.

Langkah ini perlu diambil untuk memastikan produk pelancongan di Kampung Kuantan, khususnya di Kuala Selangor, terus terpelihara.



Pintu gerbang mengalu-alukan kedatangan pelancong ke Kampung Kuantan.

